

DATE: 14/6/2010

Hiba Rachel Corrie 'terpenjara'

UM-14/06/2010

AGAK mengharukan melihat wanita berbangsa Irish itu memperlihatkan emosinya, sedangkan sebelum ini dia amat tabah dan berani menghadapi apa juga dugaan menandatangani. Tetapi Jenny tidak keseorangan beresanya.

Sepuluh orang lagi aktivis di dalam kapal MV Rachel Corrie turut hiba melihat kapal yang telah mereka layari bersama-sama selama seminggu untuk ke Gaza kini 'terpenjara' di Ashdod, sebuah pelabuhan di Israel.

Begitulah kesudahan nasib MV Rachel Corrie yang cuba menentang kezaliman Israel menindas rakyat Palestin di Gaza dengan sekatan haram sejak 2007.

Sebelum kapal Rachel Corrie tersadai di Ashdod, ia telah melalui satu perjalanan yang menakutkan dan berjaya mendapat perhatian dunia di atas ketabahannya meredah lautan Mediterranean untuk ke Gaza.

Cerita kapal Rachel Corrie amat menarik. Sebelum dinamakan sedemikian, ia bernama MV Linda dan didaftarkan di Phnom Penh, Kemboja dan telah terlantar di pelabuhan Dundalk, Ireland sejak setahun lalu.

MV Linda juga dipenjarakan di Dundalk kerana pemiliknya gagal membayar gaji anak-anak kapal dan telah membiarkan mereka tanpa makanan dan wang. Namun, anak-anak kapal itu terus hidup dengan ihsan penduduk setempat.

Setelah enam bulan tersadai di pelabuhan Dundalk, MV Linda dilelong dan dibida oleh *Free Gaza Movement* yang mendapat biayai daripada Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dengan itu, langkah-langkah pasti untuk menjadikan flotila mencabar kedurjanaan Israel yang membuat sekatan ke atas Gaza sejak 2007 semakin menjadi kenyataan.

Sekatan haram dilakukan oleh Tel Aviv itu direstui oleh penaung utamanya, Amerika Syarikat dan disokong oleh sekutu-sekutu mereka termasuk Britain.

Alasan untuk sekatan itu adalah untuk memastikan puak Hamas yang memerintah Gaza dapat 'dikekik' dan pada masa yang sama, penduduk Palestin tidak lagi memilih Hamas dalam pilihan raya akan datang.

Hamas yang dipilih rakyat secara demokrasi dan diakui oleh pemantau antarabangsa yang turut diperakui oleh bekas Presiden Amerika, Jimmy Carter dilabel sebagai satu badan penganas oleh Tel Aviv dan Washington.

Kerana itu, sebarang bantuan yang cuba disalurkan ke Gaza akan dianggap oleh Tel Aviv dan Washington sebagai sokongan kepada Hamas dan wajib disekat.

Akibatnya, rakyat Palestin di Gaza menderita teruk kerana bekalan makanan, ubat-ubatan, malah alat permainan, buku tulis dan lain-lain keperluan harian semakin hari semakin berkurangan.

Dengan latar belakang sedemikian, *Free Gaza*

**SHAMSUL
AKMAR
MUSA KAMAL**



beberapa tahun kebelakangan ini dan sejak berlakunya sekatan itu, menganjurkan pelayaran ke Gaza untuk mencabar sekatan tersebut.

Beberapa misinya yang terawal berjaya memasuki Gaza dan kemungkinan kerana ia tidak mendapat perhatian masyarakat dunia, maka Israel membiarkannya sahaja.

Namun begitu, ketika misi keempat *Free Gaza*, kapal mereka telah dirempuh oleh kapal peronda Israel dan mengakibatkan kerosakan teruk dan terpaksa berpatah balik ke Larnaca di Cyprus.

Begitu juga misi kelima dan keenam, kedua-dua bot mereka telah dirampas secara paksa oleh tentera laut Israel dan aktivis-aktivis telah dipenjara.

Usaha *Free Gaza* telah sampai ke pengetahuan Dr. Mahathir dan pada Julai 2009, beserta isterinya Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan ahli-ahli PGPO telah ke Larnaca untuk bertemu dengan ahli-ahli *Free Gaza*.

Di situ, Dr. Mahathir melihat sendiri bot yang digunakan oleh *Free Gaza* di dalam misi-misi mereka terdahulu dan dia terkejut melihat betapa kecilnya bot yang digunakan yang lebih mirip kepada bot nelayan.

Di situlah, berdetiknya idea Dr. Mahathir supaya diadakan satu flotila dan bukan lagi bot kecil secara sendiri untuk mencabar sekatan Israel seperti dilakukan oleh *Free Gaza* sebelum itu.

Maka Dr. Mahathir berjanji kepada ahli-ahli *Free Gaza* bahawa dia akan kembali ke Malaysia dan cuba mengutip dana untuk membeli kapal dan bot bagi menjayakan projek flotila itu.

Sekembalinya ke Malaysia, Dr. Mahathir, dibantu oleh Dr. Siti Hasmah yang kemudiannya berjaya mendapatkan sokongan daripada Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan diberikan sejumlah RM1.5 juta yang telah dikutip sebelum ini untuk Tabung Gaza.

Dana yang ditadbir oleh Wisma Putra disalurkan kepada PGPO dan kemudiannya ke *Free Gaza* untuk membeli kapal dan bot yang diperlukan.

Free Gaza dengan wang itu telah berjaya membeli kapal kargo MV Linda dan dua lagi bot penumpang yang kemudiannya dinamakan Challenger 1 dan Challenger 2.

Kemudian timbul pula bagaimana mahu dinamakan kapal yang baru dibeli itu. Pihak *Free Gaza* menghubungi PGPO dan bertanya jika mahu kapal itu dinamakan dengan nama



PEMENANG Hadiah Nobel Keamanan, Mairead Maguire (dua dari kiri) turut berada di atas kapal MV Rachel Corrie.

berbaur Malaysia.

Dr. Mahathir berkata tidak perlu kerana baginya sudah cukup dunia tahu bahawa usaha dan pembiayaan untuk memiliki kapal itu adalah hasil usaha rakyat Malaysia.

Setelah itu, dicadangkan MV Linda dinamakan semula sebagai MV Rachel Corrie dan ia dipersetujui oleh kedua-dua pihak, PGPO dan *Free Gaza*.

Penggunaan nama Rachel Corrie itu bukan dibuat semata-mata atas dasar sentimental untuk mengenang wanita malang itu.

Ia satu keputusan yang agak strategik terutama jika dilihat dalam konteks konflik Palestin-Israel dan hubungan Israel-Amerika.

Rachel Corrie, gadis berusia 23 tahun itu terbunuh pada 2003 apabila cuba menghalang tentera Israel menggunakan jenjolak untuk merobohkan rumah rakyat Palestin.

Kes Rachel Corrie telah cuba dilupakan oleh Amerika kerana ia membuatnya serba-salah apabila berhubungan dengan Israel.

Apabila nama Rachel Corrie digunakan untuk kapal kargo di dalam misi mencabar sekatan Israel ke atas Gaza, seolah-olah roh Rachel Corrie dihidupkan semula untuk terus menentang kezaliman rejim Zionis itu.

Pada masa yang sama, ia turut mengingatkan kembali rakyat dan kerajaan Amerika bahawa pembunuhan Rachel Corrie masih belum terbelak.

Jika kapal Rachel Corrie diserang ataupun diapa-apakan oleh Israel, ia merupakan kali kedua Tel Aviv 'membunuh' Rachel Corrie.

Seterusnya, jika ini berlaku, Amerika akan

sekali lagi menerima desakan kerana tidak berbuat apa-apa terhadap kesombongan Israel yang tidak mempedulikan nilai-nilai seagat, undang-undang antarabangsa mahupun nyawa manusia yang tidak bersalah.

Itulah mesej yang dibawa ataupun dibebankan ke atas kapal Rachel Corrie.

Kesemua aktivis Malaysia iaitu Ahli Parlimen Parit, Mohd. Nizar Zakaria, wakil-wakil PGPO, Ahmad Faizal Azumu, Matthias Chang, penulis dan pemberita serta jurukamera TV3, Halim Mohamad dan Jufri Juddin serta aktivis dari Ireland, Jenny dan suaminya Derek Graham, kedua-duanya wakil *Free Gaza*, pemenang Hadiah Nobel Keamanan, Mairead Maguire, bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Denis J. Halliday dan penerbit dokumentari, Fiona M. Thompson, sedar betapa besarnya harapan dan amanah masyarakat dunia ke atas mereka yang menaiki kapal itu di Malta pada 30 Mei lalu.

Semasa menaiki Rachel Corrie, kesemua 11 aktivis amat ceria kerana MV Rachel Corrie yang sebelum ini menghadapi pelbagai masalah enjin dan mekanikal kelihatan amat bersedia meneruskan langkah terakhirnya menuju ke Gaza. Aktivis-aktivis itu diberitahu, penduduk Gaza sedang menunggu mereka.

PENULIS ialah wakil PGPO yang turut berada dalam kapal Rachel Corrie ketika kejadian serangan Israel berlaku.

■ Bahagian pertama daripada tiga siri.